

Headline	SETIAP IBU PERLU ADA ILMU KEIBUBPAAN TANGAN I KONFLIKANAK		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	10 Jun 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	135,036
Page No	28to30	Readership	320,000
Language	Malay	ArticleSize	1388 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,803
Frequency	Weekly	PR Value	RM 35,408



**W** BICARA TOKOH Ciuh: NETTY AH HAYER | Foto: NURUL AKMA AZM

# SETIAP IBU PERLU ADA ILMU KEIBUBAPAAN TANGANI KONFLIK ANAK

*Bagi meraikan Hari Ibu Baru-baru ini, Global Gems, Total Image, Maira Collection dan MW telah menganjurkan Majlis Seputih Kasih Ibu di De Palma Shah Alam. Ia sebagai menghargai ibu-ibu yang selama ini membesarkan anak-anak tanpa mengenal erti jemu. Peluang itu juga menemukan wakil MW dengan Datuk Rosni Sohar, Setiausaha Wanita UMNO Malaysia.*

**B**eliau juga merupakan DUN Hulu Bernam. Terbaru, beliau dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji Malaysia menjadikan dirinya satu-satunya wanita yang berkhidmat dalam kelompok itu. Ikuti temu bual wakil MW bersama beliau tentang pengorbanan Hari Ibu dan beberapa isu berkaitan haji.

**MW: Boleh Datuk komen tentang pentingnya meraikan pengorbanan ibu?**

**DATUK ROSNI:** Saya melihat usaha mengadakan program sebegini amat baik sekali. Seharusnya inilah yang dilakukan oleh ramai pihak iaitu merai dan mengenang jasa serta pengorbanan ibu. Pengorbanan ibu ini sememangnya perlu dikenang memandangkan usaha mereka membesarkan anak-anak daripada peringkat asas sehinggalah mereka cemerlang dalam kerjaya masing-masing.

**MW: Bagaimana pula tentang peranan ibu pada masa kini?**

**DATUK ROSNI:** Sekarang segalanya tentang teknologi. Sebaik-baiknya seorang ibu itu perlu menjadi lebih 'advance' dan memandang jauh ke hadapan. Mereka juga perlu sanggup berhadapan dengan cabaran pada masa kini. Didikan itu seharusnya disesuaikan dengan zaman agar anak akan berjaya mengikut acuan yang mereka kehendaki.





Headline	SETIAP IBU PERLU ADA ILMU KEIBUBAAN TANGAN I KONFLIKANAK		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	10 Jun 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	135,036
Page No	28to30	Readership	320,000
Language	Malay	ArticleSize	1388 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,803
Frequency	Weekly	PR Value	RM 35,408



Datuk Rosni terima langgunjawab baru selepas dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji.

Seorang ibu juga perlu ada ilmu keibubapaan. Tanpa ilmu sukar untuk mereka melatih dan membentuk transformasi yang lebih baik dalam diri anaknya. Ibu juga perlu miliki sebuah jiwa yang besar agar anak yang dilatih kelak mampu berdaya saing.

Ilmu keibubapaan itu juga sebenarnya mampu membendung hati ibu dari mudah berjauh hati dengan anak-anak apabila terjadinya satu-satu masalah dalam keluarga. Mereka akan mampu menangani konflik dengan lebih baik dan tahu di mana untuk mengumpul kekuatan.

Pastinya apabila semua usaha itu telah diserahkan sepenuh jiwa, seorang ibu perlu berbalik kepada Yang Maha Esa. Mohon bantuan dan pertolongan daripada Allah agar mereka mampu mendidik dan membesarkan anak-anak mengikut landasan yang betul.

#### **MW: Apa karakter terbaik yang perlu ada pada ibu?**

**DATUK ROSNI:** Selain ilmu keibubapaan, seorang ibu perlu jadi lebih berani dan bersikap yakin diri untuk berhadapan dengan cabaran pada masa hadapan. Mereka juga perlu membuat persediaan diri dari segi pergaulan. Bergaulah dengan masyarakat untuk memotivasikan diri menjadi lebih berdaya maju.

Meluaskan pergaulan ini juga baik untuk mereka berkongsi ilmu dengan ibu-ibu lain. Daripada duduk di rumah adalah lebih baik mereka berani ke hadapan. Jangan takut melibatkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan. Ketakutan itulah kelak yang akan membelenggu diri dari mencari ilmu.

Tidak semestinya mereka perlu menghadiri kursus. Pergaulan dengan masyarakat setempat itu sendiri boleh membantu ibu mencipta transformasi diri untuk berhadapan dunia luar.



Headline	SETIAP IBU PERLU ADA ILMU KEIBUBPAAN TANGAN I KONFLIKANAK		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	10 Jun 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	135,036
Page No	28to30	Readership	320,000
Language	Malay	ArticleSize	1388 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,803
Frequency	Weekly	PR Value	RM 35,408

## BICARA TOKOH



Datuk Rosni Sohar bahagia dikelilingi anak-menantu dan ibu tercinta.



***Saya kira ibu tunggal di Malaysia cukup bernasib baik. Apatah lagi ketika ini kerajaan menyediakan pelbagai bantuan kemahiran untuk mereka. Misalnya menerusi program Jabatan Kebajikan Masyarakat mahupun Pusat Zakat yang disediakan untuk mereka.***

Andai mereka kekurangan modal, ada peluang pinjaman yang mereka boleh peroleh. Misalnya menerusi TEKUN Malaysia. Jika tidak mempunyai modal mencukupi mereka boleh juga menjalankan perniagaan secara talian yang tidak memerlukan modal yang besar dan diusahakan di rumah sahaja.

### **Jemaah haji bawa imej Malaysia**

**MW: Bagaimana Datuk menggalas tanggungjawab terkini?**

**DATUK ROSNI:** Pelantikan ini sebenarnya masih cukup baru untuk diri saya. Baru dua bulan saya menjadi sebahagian

daripada Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji Malaysia. Sememangnya ini satu tanggungjawab yang besar untuk saya apatah lagi saya satu-satunya wanita dalam kumpulan itu.

Saya melihat peranan jemaah wanita Malaysia di mata dunia. Mereka sebenarnya membawa imej Malaysia setiap kali mengerjakan umrah mahupun haji. Dalam pada itu, peluang dalam bidang perniagaan cukup luas dan ia membuatkan saya memikirkan satu peluang yang boleh dilakukan untuk mereka. Usaha ini perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh agar masyarakat melihat wanita Malaysia mampu dijadikan contoh yang baik.

Saya pasti akan berusaha sebaik mungkin untuk membantu mereka baik dari segi perniagaan mahupun dalam kerja-kerja kebajikan jemaah.

Kami juga membuat pelaburan strategik yang menjamin pertumbuhan ekonomi ummah yang berterusan. Objektif pelaburan itu adalah untuk menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif.

Antara anak syarikat pelaburan Tabung Haji adalah TH Plantations Berhad, TH Properties Sdn Bhd, TH travel & Services Sdn Bhd dan TH Hotel & Residence Sdn Bhd.

**MW: Apa strategi yang akan dilakukan untuk mencapai objektif itu?**

**DATUK ROSNI:** Saya melihat potensi yang besar untuk wanita menceburi bidang korporat dan perniagaan. Pasti usaha itu akan digandakan. Tabung Haji juga sedia membantu wanita mahupun ibu tunggal yang berhasrat dan berpotensi untuk dimajukan dalam bidang ekonomi.

**MW: Boleh Datuk komen tentang pakej umrah yang menipu jemaah. Apakah nasihat yang boleh diberikan kepada bakal jemaah?**

**DATUK ROSNI:** Sememangnya ketika ini sudah timbul kesedaran di kalangan umat Islam di negara ini. Kesedaran ini adalah satu kelebihan kepada rakyat Malaysia.

Pada masa ini pihak kerajaan telah menyediakan kemudahan mengerjakan umrah mahupun haji untuk bakal jemaah. Ia agensi yang memberikan jaminan keselamatan mahupun kebajikan kepada bakal jemaah. Pasti kemudahan yang disediakan ini memberi kelebihan dan kebaikan kepada bakal jemaah. ■

**MW: Apa saranan Datuk untuk ibu tunggal?**

**DATUK ROSNI:** Saya kira ibu tunggal di Malaysia cukup bernasib baik. Apatah lagi ketika ini kerajaan menyediakan pelbagai bantuan kemahiran untuk mereka. Misalnya menerusi program Jabatan Kebajikan Masyarakat mahupun Pusat Zakat yang disediakan untuk mereka. Lagipun ketika ini kerajaan begitu menggalakkan mereka agar belajar berniaga.